

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM
[BATANG LUPAR]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 75

Y.B. DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk menyegerakan proses pelaksanaan '*Gender Responsive Budgeting*' secara substantif dalam pengolohan belanjawan negara secara berkesan melalui satu pelan menyeluruh di semua peringkat kerajaan iaitu peringkat pusat, negeri dan Kerajaan tempatan.

JAWAPAN**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendekatan *Gender Responsive Budgeting* (GRB) telah mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2004 dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) dan satu manual juga telah diterbitkan pada tahun 2006 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertujuan untuk memberi panduan kepada agensi Kerajaan yang terlibat bagi melaksanakan GRB. Inisiatif GRB ini merupakan satu langkah khusus ke arah mengarusperdanakan gender dalam pentadbiran Kerajaan. Pada peringkat awal pelaksanaan GRB, terdapat lima (5) Kementerian yang terlibat dalam pelaksanaan Projek Rintis, iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Dalam konteks penyediaan belanjawan negara, Kementerian Kewangan (MOF) sentiasa mengalu-alukan dan mengambil kira setiap pandangan serta idea dari semua pihak menerusi proses libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*). Proses libat urus ini kebiasaannya dibuat melalui kumpulan fokus (*focus group*) yang telah dikenal pasti dalam menangani isu-isu semasa berbangkit di peringkat akar umbi termasuk isu-isu melibatkan gender yang diterajui oleh KPWKM. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan (PB 1.3), iaitu Garis Panduan Bagi Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019, telah menggariskan perspektif dan keperluan gender secara menyeluruh yang perlu diambil kira dalam membuat analisis masalah/ keperluan pelanggan/ *stakeholder* bagi menentukan outcome dan sasaran *Key Performance Indicator* (KPI). Kementerian/jabatan/agensi perlu mengemas kini data yang berkaitan dari masa ke semasa bagi membantu proses perancangan, penyediaan belanjawan, pemantauan dan pelaporan prestasi, serta penilaian program.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelaksanaan bajet mesra wanita turut dapat dilihat menerusi Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang menitik beratkan peranan wanita dalam

NO SOALAN : 75

memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama dan mampan. Sejumlah RM20 juta telah diperuntukkan bagi program saringan percuma pengesanan kanser payudara (mamogram), program vaksinasi HPV dan ujian saringan Pap Smear di hospital dan klinik Kerajaan yang boleh memanfaatkan seramai 70,000 wanita serta memperuntukkan RM10 juta untuk menambah 50 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di bangunan Kerajaan ke arah meringankan bebanan kerja ibu yang bekerja.

Sebagai langkah penambahbaikan pada masa hadapan, MOF akan terus bekerjasama dengan KPWKM bagi merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengarusperdanakan gender di pelbagai peringkat jentera pentadbiran demi menjaga kebajikan rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang bakal diambil Kementerian untuk memastikan penduduk di perumahan penjawat awam serta golongan B40 yang menetap di Seberang Prai tidak tertindas oleh peningkatan cukai pintu susulan daripada pengumuman naik taraf kawasan ini kepada status bandar raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, isu berkaitan peningkatan cukai pintu susulan daripada pengumuman naik taraf kawasan berkenaan kepada status bandar raya adalah tertakluk di bawah Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT). Manakala penyelarasan cukai pintu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa negeri/kerajaan negeri masing-masing. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 77

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan pelan Kementerian untuk memperkenalkan kawalan harga ubat-ubatan dan apakah mekanisme penentuan harga yang akan diguna pakai.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berhubung persoalan pelan Kerajaan untuk memperkenalkan kawalan harga ubat-ubatan, perbincangan secara berterusan dibuat bersama pihak berkepentingan ("*stakeholder engagement*") yang melibatkan pihak industri farmaseutikal, penyedia perkhidmatan kesihatan daripada klinik, hospital dan farmasi swasta serta agensi kerajaan yang lain bagi mendapatkan maklumbalas mekanisme yang bersesuaian untuk pelaksanaannya kelak.

Mekanisme harga ubat yang dicadangkan adalah secara mekanisme harga jualan maksimum pada dua (2) peringkat kawalan iaitu harga borong berdasarkan penandaarasan harga antarabangsa (*External Reference Pricing, ERP*) dan harga pengguna melalui tokokan (*mark-up*). Langkah ini secara tidak langsung dapat menyelaraskan harga ubat dan memastikan akses ubat-ubatan yang mampu milik kepada rakyat.

Pelaksanaan kawalan harga ubat ini akan dijalankan secara berfasa. Pada fasa awal pelaksanaannya, skop ubat yang dikawal adalah Ubat-ubatan Terkawal (*Controlled Medicine*) dengan nombor pendaftaran MAL diakhiri huruf A dan merupakan ubat yang dipasarkan oleh satu pembekal sahaja di Malaysia. Kebanyakan ubat "*single-source*" ini adalah ubat inovator yang baru dan tiada persaingan di pasaran. Fasa seterusnya adalah untuk ubat-ubatan yang dipasarkan oleh pelbagai pembekal ("*multi-source*").

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 17 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 78

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan masih menyediakan peruntukan untuk disalurkan kepada Majlis-Majlis Daerah di Sarawak bagi menyediakan tong-tong sampah untuk setiap isi rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini negeri Sarawak tidak menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Oleh yang demikian, operasi dan peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah di bawah kawal selia Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing. PBT di negeri Sarawak boleh menggunakan geran tahunan yang telah disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi tujuan tersebut termasuk penyediaan tong sampah di setiap unit rumah.

2. Geran tahunan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada negeri dan PBT mengikut Perkara 109 (3) Perlembagaan Persekutuan untuk membantu PBT membiayai belanja mengurus. Bagi tahun 2019, KPKT telah memperuntukkan Geran Tahunan sebanyak RM28,298,991.63 bagi semua PBT di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 79

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menambah jumlah klinik-klinik desa dan menaik taraf klinik-klinik kesihatan sedia ada yang berkeadaan usang dan kurang selesa di seluruh kawasan Kalabakan sejajar dengan pertambahan penduduk dan yang paling utama akses perkhidmatan perubatan kepada masyarakat dapat disediakan dengan lebih mudah dan efisien.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa prihatin berkenaan keperluan perkhidmatan kesihatan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah. Antara keutamaan dalam menentukan fasa kesihatan serta kemudahannya untuk dinaiktaraf adalah berdasarkan keutamaan seperti berikut:

1. Tahap keselamatan yang mendesak;
2. Bangunan dan peralatan lama serta usang;
3. Peningkatan beban penyakit yang memerlukan peningkatan kapasiti perkhidmatan dengan tambahan blok baru;

4. Peningkatan penduduk yang memerlukan sebuah fasiliti kesihatan baru dan naiktaraf fasiliti kesihatan yang sedia ada; dan
5. Naik taraf akibat pertambahan skop perkhidmatan fasiliti kesihatan.

Terdapat lima (5) buah klinik kesihatan di kawasan Parlimen Kalabakan iaitu Klinik Kesihatan (KK) Merotai Besar, KK Felda Umas, KK Kalabakan, Klinik Desa (KD) Kuala Merotai dan KD Sg Imam. Sungguhpun demikian bagi meningkatkan *accessibility* (dengan izin) atau penyampaian perkhidmatan kesihatan penduduk setempat, pelaksanaan klinik bergerak juga telah disediakan untuk kawasan pendalaman dan yang jauh dari klinik berkenaan. Manakala untuk perkhidmatan hospital pula, penduduk Kalabakan mendapatkan perkhidmatan tersebut di Hospital Tawau dan Hospital Keningau yang masing-masing terletak kira-kira 100 kilometer dan 200 kilometer daripada pekan Kalabakan. Selain itu, setiap klinik kesihatan sedia ada mempunyai kerja-kerja naiktaraf serta membaikpulih yang diadakan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, kerja-kerja membaikpulih bumbung, siling dan elektrik di Klinik Kesihatan Kalabakan sedang dalam fasa pelaksanaan untuk meningkatkan kualiti fasiliti kesihatan bagi penduduk Kalabakan.

KKM akan terus memantau keadaan fasiliti kesihatan sedia ada dan akan membina fasiliti kesihatan yang baru atau menaiktaraf fasiliti kesihatan sedia ada berdasarkan keperluan dan kemampuan kewangan negara. Bagi perancangan jangka panjang pula, KKM sedang mengenalpasti tapak dengan keluasan dan lokasi yang bersesuaian untuk membina sebuah fasiliti kesihatan yang baru di kawasan Kalabakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI FAIZAL BIN AZUMU [TAMBUN]

TARIKH : 17 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 80

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** mengulas sekiranya Kementerian sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah rumah PR1MA yang telah siap dibina tetapi gagal dijual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui kempen “Home Ownership Campaign” (HOC) sepanjang tempoh Mac hingga Jun 2019, PR1MA telah mencapai rekod tempahan jualan sebanyak 13,394 unit. Secara umumnya, ia akan menyumbang kepada jumlah jualan sedia ada iaitu sebanyak 8,834 unit.

2. Kempen HOC merupakan anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA). Ini merupakan antara inisiatif Kerajaan bagi menyelesaikan masalah unit-unit rumah tidak terjual dengan penawaran insentif-insentif menarik seperti pengecualian

NO SOALAN : 80

pembayaran duti setem untuk perjanjian jual beli dan tukar milik dan pemberian diskaun serta rebat dari harga.

3. Program ini juga merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan di bawah Agenda Perumahan Negara untuk merangsang pasaran dan meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.

4. Dalam masa yang sama PR1MA juga telah melantik lebih 70 rakan jualan untuk menjual rumah-rumah PR1MA di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 17 JULAI 2019 [RABU]

SOALAN NO. 81

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik terkini pekerja asing yang sah berdaftar mengikut pecahan negara serta apakah bentuk kawalan dan penguatkuasaan ke atas warga asing yang semakin berleluasa kini telah menjadi “tauke” perniagaan termasuklah kedai runcit dan keperluan harian masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing yang sah berdaftar adalah seramai 2,059,382 orang. Statistik pekerja asing yang sah berdaftar mengikut kewarganegaraan sehingga 31 Mei 2019 adalah seperti berikut :

BIL	WARGANEGARA	JUMLAH MENGIKUT JANTINA		JUMLAH KESELURUHAN	%
		Lelaki	Perempuan		
1	INDONESIA	440,553	285,605	726,158	35.26
2	BANGLADESH	583,192	1,326	584,518	28.38
3	NEPAL	317,501	10,028	327,529	15.90
4	MYANMAR	103,366	22,309	125,675	6.10
5	INDIA	117,936	2,703	120,639	5.86
6	PAKISTAN	63,013	257	63,270	3.07
7	PHILIPPINES	15,584	37,863	53,447	2.60
8	VIETNAM	8,225	10,605	18,830	0.91
9	THAILAND	8,880	6,911	15,791	0.77
10	CHINA	8,759	4,546	13,305	0.65
11	SRI LANKA	4,557	1,791	6,348	0.31
12	CAMBODIA	1,103	2,723	3,826	0.19
13	LAO PDR	15	31	46	0.00
JUMLAH		1,672,684	386,698	<u>2,059,382</u>	100
JUMLAH KESELURUHAN		<u>2,059,382</u>		SUMBER: Mylmmms, Jabatan Imigresen Malaysia	
%		<u>100</u>			

2. Warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain menggunakan lesen milik penduduk tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008 yang menyatakan aspek kawalan dan penguatkuasaan yang perlu dipatuhi oleh perniagaan kecil iaitu:

- (i) Permit perniagaan kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
- (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan

- (iv) PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

3. Sehingga kini, sebanyak 599 operasi penguatkuasaan telah dijalankan oleh PBT ke atas warga asing. Manakala sebanyak 492 penguatkuasaan bersepadu melibatkan bersama agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia telah dilaksanakan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Seksyen 104, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), PBT boleh menetapkan denda tidak melebihi RM2,000.00 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah dan peraturan dan boleh menetapkan tidak melebihi RM200.00 bagi setiap 1 hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Sekian, terima kasih.